

MAKLUMAN UMUM

LARANGAN KENDERAAN BERAT MELEBIHI BDM 3000 KG MENGGUNAKAN JALAN DATO' ISMAIL HASHIM (DI ANTARA JALAN MAHKAMAH HINGGA JALAN KAMPUNG BUKIT) DARI JAM 12.30 TGH – 2.30 PTG PADA HARI PERSEKOLAHAN SAHAJA

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis akan melaksanakan larangan kenderaan berat melebihi BDM 3000 kg menggunakan Jalan Dato' Ismail Hashim (di antara Jalan Mahkamah hingga Jalan Kampung Bukit) pada waktu tertentu iaitu dari jam 12.30 tengah hari hingga 2.30 petang mulai 4 Februari 2017 (Hari Sabtu) jam 12.00 tgh hari. Bahagian jalan yang terlibat adalah seperti jadual berikut:-

BAHAGIAN JALAN YANG TERLIBAT	KENDERAAN TERLIBAT	WAKTU PELAKSANAAN
Jalan Dato' Ismail Hashim di antara Jalan Mahkamah hingga Jalan Kampung Bukit	Kenderaan berat melebihi BDM 3000 kg	12.30 tengah hari – 2.30 petang (Pada hari persekolahan sahaja)

Sesalinan pelan yang menunjukkan jalan yang terlibat adalah disertakan.

2. Tujuan larangan kenderaan berat ini dilaksanakan adalah bagi mengurangkan kesesakan dan melicinkan aliran lalulintas serta mengurangkan masalah konflik dan gangguan lalulintas di kawasan tersebut semasa waktu sesi persekolahan. Larangan kenderaan berat ini akan dijalankan secara percubaan selama 3 bulan.
3. Sehubungan ini, Majlis menjemput tuan/puan untuk mengemukakan pandangan, ulasan, bantahan atau persetujuan mengenai cadangan tersebut. Sila tuan/puan tulis surat kepada jabatan ini atau hubungi Majlis di talian 04-2592015/ 04-2592327 atau email ke alamat zainuddin@mbpp.gov.my sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pandangan.
4. Pemandu-pemandu adalah dinasihatkan untuk mematuhi arah aliran lalulintas dan larangan-larangan yang telah ditetapkan demi keselamatan orang ramai dan kelicinan aliran lalulintas di kawasan yang terlibat.


Sekian, terima kasih.

Bahagian Perhubungan Awam

Jabatan Khidmat Pengurusan

MBPP

Bertarikh : 26 Januari 2017



PELAN INFRA NO : 26/2016



CADANGAN LARANGAN TERHADAP KENDERAAN BERAT PADA WAKTU TERTENTU DI SEBAHAGIAN JALAN DATO' ISMAIL HASHIM, PULAU PINANG.